# TAKLIMAT PERATURAN KEWANGAN (Tawaran-Tawaran)

# BAGI PEPERIKSAAN PERATURAN KEWANGAN OKTOBER 2011

Lembaga Tawaran Negara

Kementerian Kewangan

OKTOBER 2011

# KANDUNGAN

1. Peraturan Yang Mengawal.
2. Jenis-Jenis Tawaran
3. Proses Tawaran
4. Perkara-perkara yang diperlukan semasa membuat sokongan.
5. Penegahan/Pengharaman.

# PERATURAN YANG MENGAWAL

- ✓ Peraturan Kewangan 1983 yang berhubung dengan Lembaga Tawaran iaitu Bil. 327 hingga Bil. 340
- ✓ Surat Pemberitahuan Jabatan Perbendaharaan Bil. 12/1987 bertarikh 29 Ogos 1987 (Cukai Kastam)
- ✓ Surat Lembaga Tawaran Negara bilangan LTN/4 (46/1995) bertarikh 4 Januari 1996 dan LTN/4 (39/1997) bertarikh 15 November 1997 (Tempoh Penegahan)
- ✓ Surat Keliling Kementerian Kewangan Bil. 3/2004 bertarikh 26 Oktober 2004 yang masih berkuatkuasa pada masa ini bermula 1 Nov 2004
- ✓ Surat Kementerian Kewangan Bil: KKW/X/91 bertarikh 28 Ogos 2008
- ✓ Surat Keliling Kementerian Kewangan Bil: 2/2009 bertarikh 25 Julai 2009 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2009. (Yuran Tawaran dan Wang Jaminan Prestasi)

# PERATURAN KEWANGAN 1983

# PERATURAN KEWANGAN 1983
# (Bil. 327 - 340)

Bil: 327

- Kerja, pembelian & perkhidmatan melebihi $2,000.00 hingga $25,000.00 adalah dibidang kuasa Ketua Jabatan **(Masa ini telah dinaikkan ke $50,000.00).** Tetapi sekurang-kurangnya 3 sebutharga hendaklah didapatkan.

Bil: 328

- Kerja, pembelian & perkhidmatan melebihi $25,000.00 **(Masa ini telah dinaikkan ke $50,000.00)** hendaklah menurut peraturan tawaran seperti Tawaran Terbuka, Tawaran Jemputan, Tawaran Pilihan, Tawaran Pengecualian, di iklankan sekurang-kurangnya 2 minggu etc.

Bil: 329

- Lembaga Tawaran dilantik setiap tahun oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

# PERATURAN KEWANGAN (Bil. 327 - 340)

Bil. 330

- Korum Mesyuarat adalah 3 orang ahli termasuk pengerusi.

Bil. 331

- Mana-mana sokongan Lembaga hendaklah direkod dalam minit mesyuarat dan disahkan oleh mesyuarat dan Minit Mesyuarat yang telah disahkan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi untuk dihadapkan bagi mendapatkan kebenaran Menteri.

Bil. 332

- Kebenaran dari Menteri hendaklah dimaklumkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan salinan minit mesyuarat dan salinan surat kebenaran hendaklah dihadapkan kepada Juruaudit Agung.

Bil. 333

- Jika ada perubahan didalam kebenaran tawaran, ianya hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Tawaran untuk dipertimbangkan semasa mesyuarat Lembaga Tawaran bagi sebarang keputusan.

**PERATURAN KEWANGAN (Bil. 327 - 340)**

Bil. 334

- Pemberitahuan / penghebohan tawaran hendaklah disebarkan seluas-luasnya.

- 334.1 - Memberikan butir-butir lengkap tentang syarat-syarat pembekalan, perkhidmatan atau kerja yang akan dilaksanakan.
  - Tempoh pengiklanan hendaklah tidak kurang daripada 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran.

- 334.2 - Tanda perniagaan dan *'brand name'* tidak boleh dinyatakan.

- 334.3 - Pengiklanan tawaran hendaklah melalui Akhbar Rasmi Kerajaan (Pelita Brunei). Contoh

# PERATURAN KEWANGAN (Bil. 327 - 340)

- 334.4 - Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dalam bentuk sampul surat yang digam dengan menyatakan tajuk tawaran berkenaan.
- 334.5 - Anak kunci Peti Tawaran disimpan oleh Pengerusi Lembaga Tawaran.
- 334.6 - Tawaran dibuka semasa mesyuarat bersidang dan setiap dokumen berkenaan ditandatangani dan diberikan nombor bersiri. Contoh
- 334.7 - Dokumen-dokumen tawaran hendaklah disimpan ditempat yang selamat dan hendaklah dihadapkan kepada Jabatan-jabatan pengguna untuk membuat penilaian ke atas tawaran berkenaan

# PERATURAN KEWANGAN (Bil. 327 - 340)

Bil. 335

- Pengecualian daripada proses tawaran biasa boleh dipohonkan dengan memberikan penjelasan lengkap sebab-sebab diperlukan segera.

Bil. 336

- Kontrak atau perjanjian mestilah dibuat dan ditandatangani oleh pihak Kerajaan dengan pihak lain yang berkenaan (Pemborong).

Bil. 337

- Antaralain memberikan salinan kontrak yang telah ditandatangani kepada Jurukira Agung dan Juruaudit Agung.

Bil. 338 / 339/ 340

- Mempastikan kontrak dibuat menurut kehendak semasa. Terutama mengadakan jaminan, denda dan ganti rugi. Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan Ke Lembaga Tawaran jika ada perubahan kontrak.

# SURAT JABATAN PERBENDAHARAAN BIL: 12/1987 bertarikh 29 Ogos 1987

Sebarang tawaran bagi pembekalan barang-barang yang bercukai termasuk kenderaan hendaklah dinyatakan dalam Pemberitahuan Tawaran bahawa **harga tawaran hendaklah termasuk cukai kastam.**

# SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN

1. Surat Keliling Kementerian Kewangan Bil. 3/2004 bertarikh 26 Oktober 2004
2. Surat Keliling Kementerian Kewangan Bil. 2/2009 bertarikh 25 Julai 2009

# SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN

## BIL: 3/2004 bertarikh 26 Oktober 2004

1. Semua Kementerian menubuhkan Lembaga Tawaran Kecil masing-masing.
2. Keahlian LTN/LTK tidak melebihi **5 orang ahli termasuk Pengerusi**. (PK 329)
3. Menginitial semua dokumen tawaran semasa membuka tawaran. (PK 334.6)
4. LTK berkuasa menimbangkan sokongan tawaran bernilai $250,000.00 ke bawah **(Masa ini telah dinaikkan jumlahnya ke $500,000.00)** dan seterusnya menghadapkan kepada Menteri masing-masing untuk diluluskan.
5. Sokongan Ketua Jabatan bagi tawaran melebihi $250,000.00 **(masa ini melebihi $500,000.00)** akan dihadapkan ke LTN untuk pertimbangan.

## SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 3/2004

6. Semua salinan minit Mesyuarat LTK yang telah disahkan hendaklah dihadapkan kepada Pengerusi LTN, Jurukira Agung dan Juruaudit Agung setelah diluluskan oleh Menteri Kementerian masing-masing tidak lewat dua (2) minggu setelah ianya diluluskan. – (PK 332 dan 337).

7. Sokongan tawaran hendaklah dipastikan teratur semasa dipertimbangkan.

8. **LTN** bersidang setiap hari **Isnin jam 8.30 pagi dan 1.45 petang dan menutup tawaran pada jam 2.00 petang**. Kecuali cuti awam.

9. **LTK** bersidang setiap hari **Selasa jam 8.30 pagi dan 1.45 petang dan menutup tawaran pada jam 2.00 petang**. Kecuali cuti awam.

10. Iklan tawaran hendaklah disebarkan sekurang-kurang 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran – (PK 334.1)

**SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 3/2004**

11. Penilaian tawaran oleh Kementerian/Jabatan hendaklah dibuat **tidak melebihi dari tempoh 2 bulan** dari tarikh dokumen diterima daripada LTN/LTK.

12. Surat kebenaran daripada LTN/LTK hendaklah disertakan bersama baucer pembayaran.

13. Ketua-Ketua Jabatan boleh membuat pembelian atau kontrak tanpa proses tawaran berjumlah $25,000.00 ke bawah **(Masa ini dinaikkan ke $50,000.00).** Pembelian atau kontrak melebihi $2,000.00 hendaklah mendapatkan sekurang-kurangnya 3 sebutharga.

# MENUTUP/MEMBUKA PETI TAWARAN

- **Lembaga Tawaran Negara** menutup/membuka peti tawaran setiap **hari Isnin, 2.00 petang** (termasuk bulan Ramadhan) kecuali jika hari itu jatuh pada hari kelepasan awam dimana penerimaan tawaran akan ditutup/dibuka pada minggu depannya jam 2.00 petang

- **Lembaga Tawaran Kecil** menutup/membuka peti tawaran setiap **hari Selasa, 2.00 petang** (termasuk bulan Ramadhan) kecuali jika hari itu jatuh pada hari kelepasan awam dimana penerimaan tawaran akan ditutup/dibuka pada minggu depannya jam 2.00 petang

## PERKARA-PERKARA YANG DIPASTIKAN SEMASA MENIMBANGKAN SOKONGAN TAWARAN

1. Business Unit, ID Jabatan, Akaun dan Jumlah Peruntukan yang akan `digunakan adalah betul, bersesuaian dan mencukupi bagi Tawaran yang disokong.

2. ‘Variation Order’ bagi kerja-kerja yang telah ditawarkan atau sedang dilaksanakan yang menjadikan harga projek meningkat melebihi $250,000.00 **(Masa ini telah dinaikkan jumlahnya ke $500,000.00)** hendaklah dihadapkan ke LTN untuk dipertimbangkan.

3. Bagi projek yang menggunakan peruntukan RKN hendaklah mendapatkan pengesahan dan kebenaran dari Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi terlebih dahulu.

4. Pengesahan Ketua Jabatan bahawa harga tawaran yang disokong adalah berpatutan.

5. Setiap tawaran yang hendak disokong, hendaklah mengambilkira dan menyatakan harga tawaran termasuk cukai-cukai kastam.

**PERKARA-PERKARA YANG DIPASTIKAN SEMASA MENIMBANGKAN SOKONGAN TAWARAN.**

6. Meneliti salinan pendaftaran perniagaan bagi **semua** penender yang ikut serta yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, no kad pengenalan/paspot pemilik.

7. Pengakuan bertulis (declaration) daripada **kesemua syarikat** yang menyertai setiap tawaran bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat yang lain yang menyertai tawaran yang sama.

8. Mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat yang menyertai tawaran hendaklah memaklumkan perkara ini kepada Pengerusi untuk dicatit dalam minit Mesyuarat.

# SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN
## BIL: 2/2009 bertarikh 25 Julai 2009

1. Bertujuan untuk mengwujudkan **Yuran Tawaran** bagi menggantikan dan meniadakan *Tender Deposit*.
2. Yuran tawaran = Bayaran pendaftaran + Yuran Dokumen (*Document Fee*). **Yuran tawaran ini tidak akan dikembalikan (*non-refundable*).**
3. Jika satu-satu tawaran itu dibatalkan oleh **pihak Kerajaan** dan akan ditawarkan semula, yuran tawaran akan **dikembalikan** kepada penender-penender yang telah ikut serta.
4. Jika tawaran itu harus dibatalkan dan akan ditawarkan semula kerana setelah penilaian dibuat **tidak ada satu penender yang layak dan memenuhi spesifikasi**, yuran tawaran **tidak akan dikembalikan.**
5. Setiap penender hendaklah menyertakan salinan resit pembayaran yuran tawaran didalam dokumen tawaran yang dihadapkan.

**SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 2/2009**

Kadar-Kadar Yuran Tawaran yang dikenakan bagi setiap penender:

| Bil. | Harga Projek | Yuran Tawaran | Yuran e-dokumen |
|---|---|---|---|
| 1 | $50,000.01 hingga $100,000.00 | $10.00 | $5.00 |
| 2. | $100,000.01 hingga $250,000.00 | $30.00 | $5.00 |
| 3. | $250,000.01 hingga $500,000.00 | $50.00 | $5.00 |
| 4. | $500,000.01 hingga $1 juta | $100.00 | $5.00 |
| 5. | $1,000,000.01 hingga $5 juta | $500.00 | $5.00 |
| 6. | $5,000,000.01 hingga $10 juta | $1,000.00 | $5.00 |
| 7. | $10,000,000.01 hingga $20 juta | $2,000.00 | $5.00 |
| 8. | Melebihi $20 juta | $5,000.00 | $5.00 |

Yuran e-dokumen adalah bagi membeli dokumen tawaran yang berbentuk *softcopy*, samada dalam bentuk disket atau cekera padat (CD).

## SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 2/2009

**Wang Jaminan Prestasi** dikenakan apabila tawaran berkenaan sudah diluluskan kepada penender yang berjaya sahaja. Wang Jaminan Prestasi ini hendaklah dilunaskan terlebih dahulu sebelum memulakan kontraknya.

Kadar wang jaminan prestasi adalah seperti berikut:

| | Pembelian/ Pembekalan/ Perkhidmatan bernilai sehingga $500,000.00 | Pembelian/ Pembekalan/ Perkhidmatan bernilai melebihi $500,000.00 | Kontrak pembinaan/ pembangunan bernilai $500,000.00 kebawah | Kontrak pembinaan/ pembangunan bernilai melebihi $500,000.00 |
|---|---|---|---|---|
| Kadar wang jaminan prestasi yang dikenakan | Dikecualikan (waived) | 1%-5% | 0% - 5% | 1%-8% |

Wang Jaminan Prestasi ini akan dikembalikan semula kepada syarikat berkenaan apabila kerja-kerja/pembekalan/perkhidmatan telah selesai dilaksanakan sepenuhnya dengan sempurna.

# SURAT KEMENTERIAN KEWANGAN

Bil: KKW/X/91 bertarikh 28 Ogos 2008

Surat Pemberitahuan Kenaikan Had Limit Tawaran dan Sebutharga.

1. Nilai Had Limit **Tawaran** (Threshold Amount) dinaikkan daripada $250,000.00 ke **$500,000.00.**

2. Nilai Had Limit **Sebutharga** dinaikkan daripada $25,000.00 ke **$50,000.00.**

# JENIS-JENIS TAWARAN

1. TAWARAN TERBUKA *(OPEN TENDER)*.

2. TAWARAN PILIHAN *(SELECTIVE TENDER)*.

3. TAWARAN PENGECUALIAN/TERHAD *(WAIVER/LIMITED TENDER)*.

# TAWARAN TERBUKA *(OPEN TENDER)*

Semua pembelian kerajaan yang bernilai lebih daripada $50,000.00 hendaklah dibuat dengan cara tawaran terbuka (open tender) untuk mendapatkan harga yang kompetitif. Semua pengedar/kontraktor *(suppliers/contractors)* yang mengikuti satu-satu tawaran hendaklah mematuhi peraturan-peraturan tawaran.

Tawaran-tawaran ini diwartakan di Pelita Brunei, *Notice Board* Jabatan, *Website* Jabatan sekurang-kurangnya dalam masa 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran.

**# Setengah tawaran memerlukan pendaftaran dengan Jabatan.**

# TAWARAN PILIHAN *(SELECTIVE TENDER)*

Tawaran pilihan hanyalah dapat dipohonkan jika hanya beberapa syarikat sahaja yang boleh membuat kerja-kerja berkenaan atau tawaran terbuka yang di tawarkan beberapa kali tetapi tidak ada tawaran yang diterima.

Untuk penggunaan tawaran dengan cara pilihan ini, Jabatan hendaklah terlebih dahulu menilai *suppliers/contractors* yang mereka ketahui berkebolehan untuk membuat kerja-kerja berkenaan.

Untuk menggunakan tawaran pilihan ini hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada LTK/LTN (mengikut harga projek) dengan menyatakan nama-nama syarikat yang dipilih dengan alasan-alasan mengapa dipohonkan tawaran pilihan. Setelah diluluskan barulah Jabatan menjemput syarikat-syarikat berkenaan untuk menghadapkan tawaran.

# TAWARAN PENGECUALIAN/TERHAD (WAIVER/LIMITED TENDER)

Tawaran pengecualian ini diperlukan jika satu tawaran itu tidak dapat ditawarkan dengan cara terbuka atau pilihan. Contohnya bagi kerja-kerja, *supplies*, perkhidmatan yang segera, kerja-kerja berkaitan dengan Keselamatan Negara, *Intellectual Property Rights*, *Work of Art*, *Software licence renewal etc*.

Untuk menggunakan tawaran pengecualian, Jabatan hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada LTK/LTN (mengikut harga projek) dengan menyatakan nama syarikat yang dikecualikan dengan alasan-alasan.

# OVERVIEW PROSES TAWARAN KERAJAAN



# PROSES SOKONGAN TAWARAN



# PROSES SOKONGAN TAWARAN MELEBIHI $500,000.00 KE ATAS



# PROSES SOKONGAN TAWARAN $500,000.00 KE BAWAH




Tidak Lebih Daripada **90 Hari (3 Bulan)** daripada Tarikh Tutup Tawaran ( Surat Keliling Kementerian Kewangan bil: 3/2004 bertarikh 26 Oktober 2004 di Para 14 )

# Garispandu Penegahan

1. Surat Lembaga Tawaran Negara
   Bil: LTN/4 (46/1995) bertarikh 4 Januari 1996

2. Surat Lembaga Tawaran Negara
   Bil: LTN/4 (39/1997) bertarikh 15 November 1997

## Penegahan atau Pengharaman

Penegahan atau Pengharaman adalah satu cara pengawalan tawaran-tawaran, projek-projek yang diperkenalkan oleh Lembaga Tawaran Negara supaya ianya dibuat dan dilaksanakan dengan teratur dan sempurna.

**Kenapa penender ditegah atau diharamkan daripada mengambil bahagian dalam sebarang tawaran Kerajaan?**

1). Penender menarik diri selepas tarikh tutup tawaran.

2). Penender menolak tawaran selepas tawaran diberikan (awarded) termasuk:

i) Penender yang gagal menjawab surat penerimaan tawaran dalam tempoh yang diberikan, atau

ii) Penender yang enggan menandatangani kontrak selepas surat tawaran diberikan.

* "Jika tarikh sahlaku tawarannya masih sah".

**(Tarikh sahlaku ialah tempoh masa sah satu-satu harga tawaran yang diberikan oleh setiap penender).**

3) Penender yang gagal mematuhi segala syarat-syarat dibawah perjanjian kontrak/pesanan rasmi atau tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan.

4) Penender yang didapati memberikan maklumat palsu dalam Surat Pengakuan Penender yang dihadapkan bersama dengan tawarannya.

# TEMPOH PENEGAHAN BAGI PEMBORONG YANG MENOLAK PENERIMAAN TAWARAN

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Sehingga $25,000.00 | 1 bulan |
| 2 | $25,000.01 sehingga $150,000.00 | 2 bulan |
| 3 | $150,000.01 sehingga $250,000.00 | 3 bulan |
| 4 | $250,000.01 sehingga $500,000.00 | 4 bulan |
| 5 | $500,000.01 sehingga $750,000.00 | 5 bulan |
| 6 | $750,000.01 sehingga $1,000,000.00 | 6 bulan |
| 7 | $1,000,000.01 sehingga $1,500,000.00 | 7 bulan |
| 8 | $1,500,000.01 sehingga $2,000,000.00 | 8 bulan |
| 9 | $2,000,000.01 sehingga $2,500,000.00 | 9 bulan |
| 10 | $2,500,000.01 sehingga $3,500,000.00 | 10 bulan |
| 11 | $3,500,000.01 sehingga $5,000,000.00 | 11 bulan |
| 12 | $5,000,000.01 keatas | 12 bulan |

# SEKIAN
# TERIMA KASIH

**SEMOGA BERJAYA**
**GOOD LUCK**
**Pertanyaan**
**Tel: 2383861/2383870/2383329**
***izzah.kahar@mof.gov.bn***

***Website: http://www.mof.gov.bn***

PELITA BRUNEI, IKLAN, 11 JUN 2008

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/PDP/054/2008

MEMBEKAL DAN MEMASANG PERALATAN VOLTAN TINGGI SERTA MEMBINA BANGUNAN STESEN KECIL 11KV BAGI PE-NINGKATAN BEKALAN API ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BSB (RECALL)

Tarikh tutup : **1 Julai 2008, hari Selasa jam 2.00 petang.** Harga Tawaran : $200.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B$50.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : "Tender Box", Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 5, Blok Unit Petroleum, Bangunan Bahrain, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kelas III ke atas kategori 7b & 7c sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari kaunter Bahagian Penghantaran dan Pembahagian Tingkat I, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

**Perhatian** : Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa semasa pembelian dokumen dan sertakan salinannya menghantar dokumen tawaran ini.

CONTOH IKLAN TAWARAN MELALUI PELITA BRUNEI (DITUTUP DI LEMBAGA TAWARAN KECIL BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI)



KEMENTERIAN KEWANGAN

**Bilangan Tawaran : KKW/IK/ADM/98**
Tajuk Tawaran : PEMBEKALAN SATU (1) BUAH KERETA 4WD/WAGON
Tarikh Tutup/Jam : **23 Jun 2008 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.**
Harga Dokumen : B$50.00 (Wang Cagaran tidak dikembalikan)

**Tempat Menghantar Tawaran :**

**Peti Tawaran Kementerian Kewangan,
Level 1,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam**

**Kelayakan** : Syarikat-syarikat yang menyertai hendaklah berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dokumen tawaran dan keterangan lanjut boleh diperolehi dari Tingkat 7, Bahagian Institusi Kewangan, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.

CONTOH IKLAN TAWARAN MELALUI PELITA BRUNEI

(DITUTUP DI LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN)

KEMBALI

## CONTOH DOKUMEN TAWARAN YANG DICOP, DIBERIKAN NOMBOR BERSIRI DAN DITANDATANGANI OLEH AHLI LEMBAGA




KEMBALI